

10/02/1999

Banyak firma eksport dijangka sertai anugerah kecemerlangan

ANUGERAH Kecemerlangan Industri 1999 dijangka menyaksikan lebih banyak penyertaan syarikat berasaskan eksport, yang dikenal pasti menyumbang secara positif kepada tukaran asing negara.

Pengerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri 1999, Tan Sri Basir Ismail, berkata syarikat berasaskan eksport adalah antara kriteria utama yang akan diberi perhatian lembaga majlis pemilihan anugerah itu.

"Secara keseluruhan, anugerah kali ini tidak membabitkan perubahan besar dalam syarat dan peraturan tetapi memberi penekanan terhadap penyertaan syarikat berasaskan eksport," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat anugerah itu di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ahli majlis yang lain seperti Pengerusi Arab Malaysian Merchant Bank Bhd, Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Eksekutif Kumpulan Globe Silk Store Sdn Bhd, Tan Sri Kishu Tirathrai; dan Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif Shell Malaysia Ltd, Datuk Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor.

Ahli majlis lain ialah Timbalan Pengerusi Eksekutif Sime Darby Bhd, Tunku Tan Sri Ahmad Yahya; Pengarah Urusan Royal Selangor International Sdn Bhd, Datuk Yong Poh Kon; Pengarah Urusan Malaysia Sheet Glass Bhd, Datuk Paul Low Seng Kuan; dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, Datuk A Kadir Jasin.

Basir berkata, anugerah kecemerlangan industri yang mula diperkenalkan sejak 1984 itu bertujuan mengiktiraf kejayaan dan kecemerlangan syarikat dalam pembangunan ekonomi.

Katanya, ia juga bertujuan menggalakkan industri memperbaiki prestasi dan produk supaya produk yang dihasilkan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa.

Katanya, empat jenis anugerah dipertandingkan iaitu anugerah kecemerlangan keluaran, eksport (dagangan), eksport (perkhidmatan) dan pengurusan kualiti.

Menurutnya, penyampaian anugerah dijangka dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada November ini manakala pelancarannya akan dibuat bulan depan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Katanya, borang permohonan boleh diperolehi di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Sirim Bhd, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar (Matrade) dan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) selepas pelancaran.

(END)